

26 AUG 1999  
Sukan-Akademi  
JOHOR AKAN BINA AKADEMI BADMINTON

JOHOR BAHRU, 26 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata kerajaan negeri akan membina sebuah akademi badminton di negeri ini bagi membolehkan bakat-bakat baru dicungkil demi kemajuan sukan itu di masa hadapan.

Katanya, kerajaan telah mengenalpasti kawasan seluas 1.6 hektar bersebelahan Akademi Tenis Johor di Taman Perling, yang telah beroperasi, untuk membina akademi badminton itu.

"Akademi yang akan dikenali sebagai Akademi Badminton Johor itu tidak terhad untuk penduduk-penduduk di negeri ini sahaja, malah terbuka untuk seluruh rakyat di negara ini," katanya ketika berucap merasmikan Kejohanan Badminton Piala Perdana 1999 di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu, di sini, hari ini.

Turut hadir, Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Yang Dipertua Bakti, Yang Dipertua Badan Amal Isteri-isteri Wakil Rakyat Johor (Juita), Datin Prof. Jamilah Ariffin dan isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Endon Mahmud.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dijadualkan akan menutup kejohanan itu, Sabtu ini, pada pukul 3.30 petang.

Abdul Ghani berkata, selain mengadakan kerjasama dengan Persatuan Badminton Malaysia (BAM), kerajaan juga akan meminta sumbangan pihak swasta menguruskan akademi itu, memandangkan ia memerlukan perbelanjaan pengurusan yang besar.

"Dianggarkan sebanyak RM500,000 diperlukan untuk menguruskan akademi itu setahun," katanya.

Menurutnya, akademi yang bakal dibina itu akan mengikut konsep yang terdapat di Akademi Badminton Kebangsaan di Cheras, Kuala Lumpur.

Buat permulaan, seramai 20 pelajar tingkatan satu dan dua akan diambil mengikuti latihan di akademi itu. Jumlah itu akan ditambah berperingkat-peringkat, kata Abdul Ghani.

Beliau bangga dengan penglibatan aktif dan sokongan padu isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah dalam sukan badminton dengan turut membantu mengharumkan nama negara, bukan sahaja ketika kejohanan peringkat kebangsaan, malah antarabangsa.

"Komitmen yang begitu tinggi yang beliau (Siti Hasmah) tunjukkan menyebabkan segenap lapisan masyarakat negara ini meminati sukan itu," katanya.

Kejohanan selama empat hari itu bermula semalam. Ia disertai oleh 170 peserta dari 13 pasukan badminton badan-badan kebajikan isteri-isteri Menteri, Timbalan Menteri dan wakil-wakil rakyat seluruh negara.

-- BERNAMA  
RAM zb